

MRT kurangkan karbon dioksida

INFO

● Kurangkan kenderaan di atas jalan raya

● Kualiti hidup di Kuala Lumpur semakin terjamin

KUALA LUMPUR - Pengoperasian Mass Rapid Transit (MRT) yang dilancarkan Disember lalu dijangka menyumbang pengurangan gas karbon dioksida sebanyak 34,400 tan setahun.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kementeriannya menyasarkan pengurangan pencemaran karbon dioksida 300,000 tan menjelang 2030.

Menurutnya, ia adalah langkah mitigasi yang boleh membantu negara mencapai sasaran dalam Nationally Determined Contribution (NDC) yang dikemuka-



Foto: BERNAMA

Wan Junaidi (empat, kanan) beramah mesra dengan pengguna MRT ketika melakukan lawatan rasmi di MRT laluan Sungai Buloh-Kajang, semalam.

kan kepada United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) di bawah Perjanjian Paris 2015.

“Dengan pengoperasian MRT, selain kurangkan pencemaran udara terutama di bandar Kuala Lumpur, ia juga membawa kebaikan dari sudut ekonomi masyarakat kerana harga lebih murah

berbanding menggunakan kenderaan sendiri atau teksi.

“Secara tidak langsung, kualiti hidup di Kuala Lumpur semakin terjamin dan meningkat,” katanya pada sidang media semasa mengadakan lawatan kerja meninjau projek MRT, semalam.

Selain itu katanya, operasi MRT juga dapat kurangkan

bilangan kenderaan di atas jalan raya, khususnya laluan jalan raya dari Sungai Buloh ke Kuala Lumpur dan juga dari Kajang ke ibu negara.

Terdahulu, Wan Junaidi yang diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, Datuk Ir Zohari Sulaiman melakukan lawatan kerja ke stesen-stesen Tun Razak

Exchange, Merdeka dan Kwasa Damansara, di sini.

Projek MRT merangkumi jajaran keseluruhan 51 kilometer (km) yang menghubungkan Sungai Buloh ke Kajang yang merentasi 31 stesen, termasuk tujuh stesen bawah tanah dan ia berintegrasi dengan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Monorail dan KTM Komuter.

Fasa pertama membabitkan laluan Sungai Buloh-Semantan sepanjang 21km, manakala operasi fasa kedua bagi laluan Semantan-Kajang sepanjang 30km melibatkan 19 stesen melalui kawasan berpenduduk tinggi seperti Kajang dan Cheras.

Sementara itu, beliau berkata, kementeriannya beri jaminan tiada pencemaran je-

rebu akibat pembakaran terbuka dari negara jiran terutama Indonesia setelah pihaknya dapat kerjasama dari negara terbabit.

“Kerajaan Indonesia ketika ini guna teknologi sistem satelit bagi pantau dan mengesan pembakaran terbuka yang berlaku di negara itu dan bertindak memadamkan kebakaran dengan cepat.

“Dengan tindakan Indonesia, kementerian yakin tidak berlaku jerebu tahun ini,” katanya sebagai mengulas persediaan kementerian menjelang Sukan Sea KL2017 yang berlangsung dari 19 hingga 30 Ogos. - *Bernama*

• Bangsa Berbudhi & Penyayang •

My #QuranHour

MERDEKA

#QuranHour

...satu permulaan

9 ZULHIJAH 1438 H / 31 OGOS 2017